

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**APRIL 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan


Oleh

**FAIDZAL BIN JAAFAR**

Bertajuk

**LAPORAN  
CADANGAN MENAIKTARAF DAN MEREKABENTUK DALAMAN  
MUZIUM TLDM DI JALAN QUAYSIDE MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia :  09/04/2009 Puan Ruzana Abd. Kadir  
Koordinator : \_\_\_\_\_ Puan Azizah Binti Md Ajis  
Koordinator program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Tujuan laporan ini dibuat adalah bertujuan untuk menceritakan dan menerangkan proses-proses yang terlibat di dalam merekabentuk sebuah Muzium TLDM yang terletak di Jalan Quayside Melaka Bandaraya Bersejarah. Selain daripada itu tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menerangkan kepada orang ramai secara lebih mendalam mengenai Angkatan Tentera Laut Malaysia (TLDM) di dalam menjaga keselamatan perairan kita selama ini. Muzium ini juga dapat menambah minat serta pengetahuan orang ramai mengenai Angkatan Tentera Laut Malaysia (TLDM) secara lebih mendalam dan jelas terhadap profession tersebut. Tujuan muzium ini dibina juga adalah salah satu cara untuk mengenang serta membalas jasa para perajurit-perajurit laut kita yang telah berkorban selama ini di dalam menjaga keselamatan negara kita daripada diceroboh oleh pihak luar. Ini merupakan tanda penghargaan rakyat kepada mereka selama ini. Muzium TLDM ini menyediakan pakej yang lengkap untuk mereka yang betul-betul ingin mendalami serta mengatahui mengenai angkatan bersenjata ini. Muzium TLDM ini mempamerkan semua aspek, senjata, bahagian, unit-unit dan pelbagai lagi maklumat yang terdapat pada angkatan bersenjata tersebut bermula dari dahulu hinggalah sekarang. Di samping itu muzium ini juga merupakan salah satu daya tarikan pelancong di Bandar Melaka. Kedudukan muzium ini yang strategik iaitu di tengah-tengah kawasan bandar menyebabkan orang ramai mudah untuk melawatinya. Selain daripada itu muzium ini juga dikelilingi oleh bangunan-bangunan bersejarah seperti Bangunan Merah, Bukit Sait's Paul, Kota A' Famosa dan pelbagai lagi. Pelbagai kajian dan pemerhatian yang telah saya lakukan untuk memahami serta mendalami mengenai muzium ini. Antara kajian yang telah dilakukan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian dengan membuat soal selidik. Tujuannya adalah untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat yang boleh mengenai muzium yang terdapat pada masa kini, daripada itu kita akan dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada muzium masa kini dan cuba untuk mengatasinya. Segala maklumat dan hasil daripada kajian tersebut akan diterapkan ke dalam proses merekabentuk bagi mendapatkan rekabentuk yang terkini dan memenuhi kehendak semasa.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	PENGENALAN	08
1.2	MATLAMAT KAJIAN	10
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	11
1.4	SKOP KAJIAN	12
1.5	RUANG YANG DICADANGKAN	14
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	17
<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	
2.1	LATARBELAKANG	19
2.2	CARTA ORGANISASI	21
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	22
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	23
2.5	PIAGAM PELANGGAN	25



<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISIS</b>	
3.1	ANALISA TAPAK	27
3.2	PELAN KUNCI TAPAK	30
3.3	PELAN TAPAK	31
3.4	ANALISIS PERSEKITARAN	34
3.5	ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA	38
3.6	KESIMPULAN TAPAK	41
<b>BAB 4.0</b>	<b>KAJIAN KES</b>	
4.1	PENGENALAN	46
4.2	KAJIAN KES 1	49
4.3	KAJIAN KES 2	76
4.4	KAJIAN KES 3	80
4.5	KAJIAN KES 4	88
<b>BAB 5.0</b>	<b>PROJEK</b>	
5.1	KEHENDAK KLIEN	94
5.2	SKOP KERJA	95



## **BAB 1.0**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Tujuan projek ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk merekabentuk ruang dalaman untuk Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Projek ini dipilih kerana ianya berkaitan dengan aspek keselamatan Negara kita yang semakin membangun dari semasa kesemasa mengikut peredaran zaman. Selari dengan kehendak semasa muzium ini akan dinaik taraf buat kali keduanya selepas perubahan yang telah dilakukan buat kali terakhirnya pada tahun 2002. Turut di naik taraf iaitu muzium tentera darat yang terletak di Port Dickson Negeri Sembilan bagi mengikut kehendak semasa. Projek ini dipilih kerana ianya mempunyai nilai-nilai patriotisma yang tinggi terhadap negara, projek ini dapat memupuk semangat tersebut ke dalam diri setiap masyarakat kita pada masa kini yang semakin pudar di telan zaman. Selain itu projek ini dapat menaikkan imej angkatan bersenjata negara kita terutamanya anggota-anggota (TLDM) yang telah banyak berjasa kepada negara selama ini. Projek ini juga dapat mengangkat nama dan pandangan orang ramai terhadap angkatan bersenjata kita (TLDM) di peringkat antarabangsa.,